



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 21 Ogos 2024.

**Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	Penjara Wanita Sabah Perintis Program WBB Bantu Banduan https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1124972/penjara-wanita-sabah-perintis-program-wbb-bantu-banduan#google_vignette https://bernama.com/bm/news.php?id=2331268 https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2331294 https://thesun.my/local-news/sabah-women-s-prison-pioneers-wbb-programme-to-help-ex-inmates-nancy-FD12884144 https://www.sinarharian.com.my/article/681269/berita/nasional/mangsa-keganasan-perlu-berani-tampil-dapatkan-bantuan---nancy#google_vignette	Harian Metro Bernama Bernama The Sun Sinar Harian	Neutral
2.	'Women's Ministry Wants More CCTVs In Public Areas, But This Is Not Under Our Jurisdiction' [WATCH] https://www.nst.com.my/news/nation/2024/08/1094204/women-ministry-wants-more-cctvs-public-areas-not-under-our-jurisdiction	NST	Neutral

3.	<p>KPWKM Sasar Pelaksanaan Program KASIH Kanak-Kanak Ke 300 Sekolah</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/kpwkm-sasar-pelaksanaan-program-kasih-kanak-kanak-ke-300-sekolah/</p> <p>https://www.nabalunews.com/post/kpwkm-sasar-pelaksanaan-program-kasih-kanak-kanak-ke-300-sekolah</p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Nabalunewa</p>	Neutral
4.	<p>Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat Perluas Direktori CBO, Bantu Kumpulan Sasar</p> <p>https://www.dailyexpress.com.my/news/240385/kementerian-pembangunan-wanita-keluarga-dan-masyarakat-perluas-direktori-cbo-bantu-kumpulan-sasar/</p>	<p>Dailyexpress</p>	Neutral
5.	<p>JKM Cari Ibu Kandung, Waris Adrian Rayyan</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1124959/jkm-cari-ibu-kandung-waris-adrian-rayyan</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/ibu-kandung-waris-bayi-lelaki-ditinggal-di-kedai-dobi-usj-8-pada-5-mac-dicari/</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral
6.	<p>Banjir Kilat, Air Pasang Besar: PPS Dibuka Di Merbok</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1125095/banjir-kilat-air-pasang-besar-pps-dibuka-di-merbok</p>	<p>Harian Metro</p>	Neutral
7	<p>Kes Bunuh Isteri, Anak: Mayat Budak Dengan Kesan Kelar Ditemukan Di Pantai</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1125014/kes-bunuh-isteri-anak-mayat-budak-dengan-kesan-kelar-ditemukan-di-pantai</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1287505/mayat-kanak-kanak-mungkin-ada-kaitan-dua-mayat-ditemui-semalam-polis</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/08/20/mayat-budak-dua-tahun-disyaki-mangsa-ketiga-dibunuh-bapa-ditemui/</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p> <p>Kosmo</p>	Neutral

	https://malaysiagazette.com/2024/08/20/satu-lagi-mayat-kanak-kanak-dipercayai-dibunuh-suspek-rohingya-ditemui/	Malaysia Gazette	
8	<p>Dua Kanak-Kanak Terperangkap Sembilan Jam Dalam Lif Ditemukan Selamat</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-kanakkanak-terperangkap-sembilan-jam-dalam-lif-ditemukan-selamat-484341</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/08/20/dilaporkan-hilang-rupanya-dua-kanak-kanak-terperangkap-9-jam-dalam-lif/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/681170/berita/semasa/disangka-hilang-rupanya-terperangkap-9-jam-dalam-lif</p> <p>https://malaysiagazette.com/2024/08/20/dua-kanak-kanak-terperangkap-9-jam-dalam-lif/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1124802/ingat-kan-hilang-rupanya-terperangkap-sembilan-jam-dalam-lif</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2024/08/dua-kanak-kanak-dilaporkan-hilang-rupa-rupanya-terperangkap-dalam-lif/#google_vignette</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2331373</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Kosmo</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Harian Metro</p> <p>Utusan</p> <p>Bernama</p>	Neutral
9	<p>Wanita Cemas Diekori Di Tempat Letak Kereta</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/08/20/wanita-cemas-diekori-di-tempat-letak-kereta/</p>	Kosmo	Neutral
10	<p>Kes Bunuh Wanita, Kanak-Kanak Membimbangkan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/681143/suara-sinar/analisis-sinar/kes-bunuh-wanita-kanak-kanak-membimbangkan</p>	Sinar Harian	Neutral

<p>11</p>	<p>Ibu Tunggal Tertekan Tujuh Tahun ‘Dikejar’ Datuk Seri</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2024/08/20/ibu-tunggal-tertekan-dihendap-datuk-seri/</p> <p>https://api.bharian.com.my/berita/kes/2024/08/1287443/ibu-tunggal-dakwa-trauma-dihendap-datuk-seri-tawar-rm1-juta-untuk-hamil</p> <p>https://api.hmetro.com.my/mutakhir/2024/08/1124914/ibu-tunggal-trauma-dihendap-datuk-seri</p> <p>https://malaysiatribune.news/2024/08/20/ibu-tunggal-ditawar-rm1-juta-untuk-kandungkan-anak-datuk-seri/</p>	<p>Kosmo</p> <p>Berita Harian</p> <p>Harian Metro</p> <p>Malaysia Tribune</p>	<p>Neutral</p>
<p>12</p>	<p>Lelaki Warga Emas Hilang Ketika Menjala Udang Ditemukan Lemas</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/681280/berita/semasa/lelaki-warga-emas-hilang-ketika-menjala-udang-ditemukan-lemas</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mayat-lelaki-warga-emas-dikhuatiri-lemas-ketika-menjala-udang-ditemukan-484369</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2331253</p> <p>https://thesun.my/cerita/berita/lelaki-warga-emas-dikhuatiri-lemas-ketika-menjala-ikan-di-yan-LD12883109</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Bernamea</p> <p>The Sun</p>	<p>Neutral</p>

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

PENJARA WANITA SABAH PERINTIS PROGRAM WBB BANTU BANDUAN



Nancy Shukri (tengah) menyaksikan majlis menandatangani nota kerjasama antara Yayasan Kebajikan Negara diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara Nordina Haron (kiri) dengan Timbalan Komisioner General Penjara Jabatan Penjara Malaysia, Ahmad Faudzi Awang (kanan) di Dewan Rafflesia Penjara Wanita Kota Kinabalu Sabah hari ini. FOTO BERNAMA

Kota Kinabalu: Penjara Wanita Sabah menjadi penjara pertama di negara ini melaksanakan Program Wanita Bangkit Bersasar (WBB) bertujuan membantu bekas banduan wanita menjalani kehidupan lebih baik selepas keluar daripada penjara.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata ia adalah projek rintis yang dijayakan dengan kerjasama Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dan Jabatan Penjara Malaysia.

"Melalui program ini kita menyasarkan wanita yang berbakat dalam menjalankan perniagaan, tetapi tidak boleh keluar rumah disebabkan kekangan tertentu seperti menjaga anak," katanya kepada pemberita selepas meninjau pelaksanaan program berkenaan di Anjung WBB YKN Sabah sini hari ini.

Beliau berkata YKN dan Jabatan Penjara Malaysia turut menyediakan anjung itu sebagai tempat bagi banduan wanita untuk menjana pendapatan, menerusi kemahiran yang dipelajari semasa menjalani hukuman.

"Bagi projek rintis ini, Anjung WBB YKN Sabah akan beroperasi di Taman Olivia, Penampang Kota Kinabalu, dan ia dapat menempatkan 10 orang penghuni wanita pada satu-satu masa.

menjana pendapatan apabila dibebaskan kelak serta diintegrasikan ke dalam masyarakat," katanya.

Beliau berkata sebelum ini pihaknya melawat Penjara Wanita Kajang untuk melaksanakan program berkenaan namun penjara itu didapati tidak sesuai, di samping perlu mengambil kira beberapa faktor tertentu.

'WOMEN'S MINISTRY WANTS MORE CCTVS IN PUBLIC AREAS, BUT THIS IS NOT UNDER OUR JURISDICTION' [WATCH]

KOTA KINABALU: The Women, Family and Community Development Ministry wants public areas to have more closed-circuit television cameras to prevent crime, but this is not under its jurisdiction.

Minister Datuk Seri Nancy Shukri said the ministry would take steps to implement it if it was within its powers.

"It is under the jurisdiction of other ministries. It also involves funds.

"Despite this, we will not sit still. We will provide training and empower women and children."

She said this after the signing of a memorandum of cooperation between the National Welfare Foundation and the Prison Department on the Targeted Women's Empowerment Programme here.

Earlier, Nancy was asked to comment on recent rape, kidnap and murder cases involving women and children.

Recent high-profile cases include the murders of Istiqomah Ahmad Rozi, 33, in Alor Gajah, Nur Farah Kartini Abdullah, 25, in Hulu Selangor, and Zayn Rayyan Abdul Matiin, 6, in Kuala Lumpur.

Last month, a 6-year-old girl was abducted from Johor Baru. She was found safe in Batang Kali, Selangor, three days later.

On Sunday, a 10-year-old Orang Asli girl was found [dead](#) in a swampy area in Kampung Bersah, Pos Kuala Mu. Police confirmed that she was raped before she was killed.

In July, police revealed that from 2020 to last year, 3,067 cases of children under 18 going missing were reported across the country.

Nancy said there were laws to protect women, including the Anti-Sexual Harassment Act.

She said the ministry also conducted advocacy programmes to educate people, including children, about crime prevention.

"If the perpetrator is a family member, how would we know? It is sometimes hidden by the family until a murder occurs.

"We don't want that to happen. We want children to know their rights. That's why we are going to schools now."

She said the ministry had covered 70 out of the 300 targeted schools for the advocacy programme this year.

On the Targeted Women's Empowerment Programme, she said she hoped the programme's psychoeducation approach could help women prisoners improve their self-esteem, awareness and knowledge.

She hoped that with emotional support and income-generating opportunities, the women could smoothly reintegrate into society.

"I saw the work that the women prisoners made in food production, sewing, craft and batik painting workshops.

"The products they make are high quality because the women prisoners receive training from experienced instructors."

Present was Prison Department Deputy Commissioner-General (Community) Ahmad Faudzi Awang.

KPWKM SASAR PELAKSANAAN PROGRAM KASIH KANAK-KANAK KE 300 SEKOLAH

KOTA KINABALU: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sudah melaksanakan Program Advokasi Perlindungan Kanak-kanak: KASIH Kanak-Kanak membabitkan 70 buah sekolah di seluruh negara.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata, jumlah berkenaan adalah sebahagian 300 sekolah yang disasarkan pihak kementeriannya tahun ini.

"Kita ada 10,000 sekolah di negara ini. Oleh itu, kita perlu ada sasaran.

"Bagaimanapun, saya yakin objektif program ini mampu dicapai kerana kita mahu menjaga kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan kumpulan sasar khususnya kanak-kanak.

"Usaha ini hendaklah sentiasa diberi penekanan melalui pelbagai program advokasi serta khidmat sokongan," katanya.

Nancy berkata demikian ketika ditemui media selepas menghadiri Majlis Tandatangani Nota Kerjasama Antara Yayasan Kebajikan Negara (YKN) Bersama

Jabatan Penjara Bagi Program Wanita Bangkit Bersasar di Kepayan, dekat sini, hari ini.

Sementara itu, ditanya mengenai situasi terkini berkaitan wanita dan kanak-kanak yang dilihat sering menjadi mangsa pembunuhan, Nancy menyatakan pihaknya akan terus memperkasakan wanita termasuk kanak-kanak mengenai undang-undang mengenai hak-hak mereka.

“Agak sedihlah kita melihat perkara ini berlaku tetapi inilah kenyataan pada hari ini yang kita dapat saksikan.

“Namun kami di kementerian tidak akan duduk diam. Kementerian akan sentiasa memperkasakan wanita dan kanak-kanak agar mereka sedar tentang undang-undang dan hak mereka.

“Selain itu, kita juga sudah mempunyai Undang-Undang Gangguan Seksual yang di dokumentasikan malah kita ada tribunal anti gangguan sexual,” katanya.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT PERLUAS DIREKTORI CBO, BANTU KUMPULAN SASAR



Nancy berkata, program yang dilaksanakan secara berperingkat sejak tahun lepas itu merupakan salah satu inisiatif pihaknya dalam usaha membendung kes penderaan kanak-kanak dan juga keganasan rumah tangga.

PAPAR: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) telah melancarkan enam Direktori Organisasi Berasaskan Komuniti (CBO) melibatkan Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Kelantan dan Pulau Pinang, termasuk di Sabah yang dilancarkan Isnin.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, program yang dilaksanakan secara berperingkat sejak tahun lepas itu merupakan salah satu inisiatif pihaknya dalam usaha membendung kes penderaan kanak-kanak dan juga keganasan rumah tangga.

Menurutnya, CBO menjadi panduan bagi membantu masyarakat yang memerlukan sokongan atau bantuan, khususnya kumpulan sasar di bawah KPWKM seperti wanita, kanak-kanak, keluarga, warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

“Direktori ini akan diperluaskan kepada semua daerah dan negeri di Malaysia untuk memudahkan capaian maklumat serta dapat mempercepatkan lagi tindakan diambil oleh CBO bagi membantu komuniti memerlukan.

Hajiji says young business professionals' inputs needed to develop Sabah

Kota Kinabalu: Chief Minister Datuk Seri Hajiji Noor said he welcomed inputs from young business professionals to assist in policy formulation.

“Majlis pelancaran direktori CBO ini juga akan dilaksanakan di Kuala Lumpur yang dicadangkan pada 3 September dan di Sarawak pada 18 September ini di Sibul,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Program Pelancaran Direktori Organisasi Berasaskan Komuniti (CBO) KPWKM @Papar, bertempat di Dewan Masyarakat Papar, di sini, Isnin.

Turut hadir, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merangkap Ahli Parlimen Papar, Datuk Armizan Mohd Ali, Adun Kawang, Datuk Ghulam Haidar Khan Bahadar, Adun Limbahau, Datuk Juil Nuatim dan Ketua Setiausaha KPWKM, Datuk Dr Maziah Che Yusoff.

Dalam pada itu, Nancy ketika ditemui pemberita berkata pelaksanaan program CBO juga memperlihatkan keberkesannya lebih cepat berikutan peranan yang dimainkan oleh masyarakat setempat seperti ketua kampung atau pemimpin masyarakat.

“Kita dapat lihat proses (keberkesanan program) semakin cepat. Jika berlaku sesuatu di kawasan mereka, cepatlah komunikasi itu wujud terutama sekali (jika mereka) menghubungi kementerian kami.

“Jadi semua (pihak) yang memainkan peranan ini mempercepatkan proses (program), kesannya lebih cepat berbanding sebelum ini,” katanya.

CBO terdiri pelbagai jawatankuasa dan sukarelawan kebajikan termasuk Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) serta Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK) berperanan sebagai rakan strategik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dalam menyantuni seterusnya melindungi kumpulan sasar di bawah kementerian itu.

Sementara itu, Armizan berkata kewujudan Direktori CBO itu bukan saja mampu memperkemas serta memperkukuh fungsi KPWKM dan JKM, tetapi juga dapat

membantu agensi lain seperti pejabat khidmat Ahli Parlimen dan Adun di seluruh daerah.

Beliau berkata usaha ini akan dapat memastikan gerak kerja membantu masyarakat di peringkat akar umbi lebih tersusun termasuk dalam aspek pembangunan dan penyaluran bantuan kepada golongan sasar memandangkan data menerusi CBO boleh dikongsi serta diguna pakai oleh agensi lain.

“Saya amat mengalu-alukan pendekatan mewujudkan CBO ini dan saya yakin ia akan dapat membantu agenda sosial kerajaan diterajui KPWKM.

“Dengan adanya CBO, kita boleh memastikan perkongsian data wujud dan boleh diguna pakai bersama dalam kita memastikan tidak ada masyarakat atau kumpulan sasar terpinggir daripada menerima bantuan serta sokongan daripada kerajaan,” katanya.

JKM CARI IBU KANDUNG, WARIS ADRIAN RAYYAN



JKM kesan ibu kandung atau waris bayi lelaki yang ditemui orang awam di sebuah kedai dobi di USJ 8, Subang Jaya, pada 5 Mac lalu. FOTO Ihsan JKM

Subang Jaya: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang mengesan ibu kandung atau waris bayi lelaki yang ditemui orang awam di sebuah kedai dobi di USJ 8, di sini, pada 5 Mac lalu.

JKM dalam kenyataan, hari ini, bayi diberi nama Adrian Rayyan itu yang kini berusia lima bulan ditemui dalam keadaan sihat, sempurna sifat fizikal dan tidak bertali pusat.

"Orang awam yang menemui bayi berkenaan kemudian menghubungi pihak polis sebelum dibawa oleh ambulans ke Hospital Shah Alam bagi mendapatkan rawatan dan pemeriksaan lanjut.

"Laporan polis sudah dibuat oleh pegawai perubatan Hospital Shah Alam dan bayi berkenaan ditempatkan di unit rawatan intensif neonatal (NICU) untuk pemantauan," katanya.

Menurutnya, jabatan itu sudah merujuk kepada pihak polis dan dimaklumkan kes masih dalam siasatan dan tidak berjaya menemui ibu kandung atau waris bayi berkenaan.

"Kes bayi itu kemudian dibawa ke Mahkamah Bagi Kanak-Kanak Petaling Jaya pada 13 Jun lalu bagi mendapatkan Perintah Jagaan Sementara di bawah Seksyen 25(2) Akta Kanak-Kanak 2001.

"Bayi itu ditempatkan di bawah institusi JKM bagi membolehkan pelindung menjalankan siasatan dan merancang penempatannya," katanya.

Jabatan ini mengalu-alukan waris atau mana-mana individu yang mempunyai maklumat untuk menghubungi pelindung kes iaitu Shareena Allesia Stephen di talian 03-56343095 atau hadir ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Cawangan Subang Jaya, Selangor untuk tindakan lanjut.

KES BUNUH ISTERI, ANAK: MAYAT BUDAK DENGAN KESAN KELAR DITEMUKAN DI PANTAI

Alor Setar: Seorang bapa tergamak 'membuang' anak lelakinya sendiri yang berusia dua tahun ke dalam longkang besar berdekatan Jalan Pegawai, di sini sebelum kanak-kanak itu ditemukan lemas di [Pantai Leman](#), Kuala Kedah, hari ini.

Timbalan Ketua Polis Kedah, Deputy Komisioner Adzli Abu Shah berkata, hasil siasatan polis mendapati, terdapat kesan kecederaan seperti dikelar di bahagian leher kanak-kanak lelaki warga Myanmar berusia dua tahun itu.

Mangsa dipercayai anak bongsu kepada [lelaki warga Myanmar](#) berusia 43 tahun yang ditahan polis di perkarangan Masjid Al Hidayah, Bukit Pinang, di sini yang disyaki membunuh isteri dan anak sulungnya berusia 10 tahun yang ditemui dalam longkang di belakang bangunan terbiar berhampiran Pekan Simpang Kuala, di sini, semalam.

"Berdasarkan keterangan saksi, ada yang mendakwa ternampak kelibat suspek bersama seorang anaknya berjalan di sekitar kawasan Jalan Pegawai itu.

"Namun anak bongsunya tidak kelihatan tetapi saksi mengatakan ketika itu terdengar bunyi seperti orang terjun pada hari kejadian," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah, di sini hari ini.

Adzli berkata, hasil siasatan mendapati, pihaknya percaya kesemua mangsa yang ditemui meninggal dunia dipercayai dibunuh pada 18 Ogos lalu sebelum mayat ibu dan anak ditemui semalam.



Beliau berkata, suspek ditahan di Masjid Al Hidayah, Bukit Pinang itu ketika bersama anak lelakinya berusia lima tahun dan mereka dipercayai berjalan kaki sejauh kira-kira 17 kilometer dari Simpang Kuala Ke Bukit Pinang.

"Berdasarkan keterangan saksi, lima beranak itu termasuk suspek sebelum ini tinggal di bawah jambatan sebelum berpindah ke bangunan terbiar di lokasi dua beranak ditemui semalam.

"Hasil siasatan mendapati, suspek positif dadah jenis syabu, ganja dan morfin.

"Siasatan masih dilakukan untuk mengetahui punca kejadian berlaku dan kita tidak menolak berkemungkinan disebabkan keadaan daif mereka selain di bawah pengaruh dadah," katanya.

Adzli berkata, berkemungkinan kejadian pembunuhan itu dilakukan pada waktu malam.

Beliau berkata, pihaknya turut merampas sebilah parang yang mempunyai kesan dan akan dihantar untuk dianalisa terlebih dahulu.

Media sebelum ini melaporkan, mayat seorang wanita dewasa berusia 34 tahun dan seorang kanak-kanak perempuan berusia 10 tahun dipercayai ibu dan anak ditemukan dengan kecederaan pada tubuh ditemui dalam longkang di belakang sebuah bangunan terbiar berhampiran Pekan Simpang Kuala, di sini hari ini.

Mayat mereka ditemui berpakaian lengkap yang mana seorang daripada dalam keadaan tertiarap dan terlentang bersebelahan antara satu sama lain.

Kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

DUA KANAK-KANAK TERPERANGKAP SEMBILAN JAM DALAM LIF DITEMUKAN SELAMAT

KUALA LUMPUR: Dua kanak-kanak lelaki masing-masing berusia 10 dan 11 tahun yang dilaporkan hilang sejak petang semalam, ditemukan selamat tengah malam tadi selepas terperangkap dalam lif di sebuah pangsapuri di Taman Desa Petaling, Cheras.

Ketua Polis Daerah Cheras ASP Ravindar Singh Sarban Singh berkata kanak-kanak itu dilaporkan hilang pada 9.26 malam, apabila tidak pulang ke rumah selepas keluar membeli makanan kira-kira pukul 2 petang.

"Pada 12.30 tengah malam tadi, pihak pengurusan pangsapuri mengesan kedua-dua mangsa terperangkap dalam lif di tingkat empat pangsapuri tersebut, selepas membuat semakan rakaman kamera litar tertutup," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata kedua-dua mangsa dipercayai terperangkap kira-kira sembilan jam dalam lif tersebut sebelum pihak pengurusan pangsapuri berjaya mengeluarkan mereka dalam keadaan selamat.

Kedua-dua mangsa telah diserahkan kepada keluarga masing-masing.